

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH REZAB MELAYU (TRM)

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila senaraikan jumlah keluasan TRM Negeri Selangor mengikut pecahan daerah.
 - b) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan TRM yang strategik demi meningkatkan tahap ekonomi orang Melayu?
 - c) Sila senaraikan projek pembangunan TRM oleh GLC sejak 5 tahun yang lalu.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod PTGS data Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor sehingga Disember 2017.

Jumlah keluasan TRM di Negeri Selangor yang telah diwartakan adalah sebanyak **400,246.02 ekar**. Berikut adalah pecahan jumlah TRM mengikut daerah :

DAERAH	JUMLAH KELUASAN TERKINI
PETALING	2,822.68
GOMBAK	12,488.07
KLANG	21,076.86
SEPANG	31,371.53
HULU SELANGOR	42,225.87
HULU LANGAT	33,767.98
KUALA LANGAT	36,988.07
KUALA SELANGOR	60,808.04
SABAK BERNAM	158,696.92
JUMLAH	400,246.02

- b) Kerajaan Negeri Selangor tiada perancangan khusus untuk membangunkan Tanah Rizab Melayu yang membabitkan sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Sebarang pembangunan Tanah Rizab Melayu bagi hakmilik individu adalah tertakluk kepada pembangunan yang dilaksanakan oleh pemilik tanah

yang tertakluk kepada zoning dalam Rancangan Tempatan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di setiap daerah.

- c) Tiada projek pembangunan TRM oleh GLC sejak 5 tahun yang lalu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PELABURAN DI LUAR NEGARA

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila kemukakan dengan detail berapakah pelaburan yang dibuat oleh KNS melalui anak syarikat di luar negara sejak 5 tahun yang lalu?
 - Sila huraikan apakah jenis pelaburan dan prestasi keuntungan yang disasarkan?
 - Sila nyatakan apakah perancangan susulan terhadap pelaburan tersebut?

JAWAPAN:

- Pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui anak syarikat di luar Negara sejak 5 tahun yang lalu seperti berikut; -

Bil.	Syarikat	Projek Pelaburan
1.	Worldwide Holdings Berhad	Syarikat Worldwide Holdings Berhad membuat pelaburan dalam pembangunan hartanah di Australia dengan nilai pelaburan berjumlah AUD17.923 juta (RM 54.35 juta) sejak tahun 2012.
2.	Kumpulan Perangsang Selangor Berhad	Pada Mei 2016, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ('Perangsang Selangor') telah berjaya membeli 60% ekuiti di dalam Kaiserkorp Corporation Sdn Bhd ("Kaiserkorp") dengan pelaburan bernilai RM116.7 juta. Kaiserkorp merupakan pemegang saham tunggal perlesenan jenama tilam King Koil yang beroperasi di Illinois, Amerika Syarikat dimana ia mempunyai 27 pemegang lesen untuk mengilang dan memasarkan tilam King Koil ke serata dunia.

- Jenis pelaburan dan prestasi keuntungan yang disasarkan oleh syarikat-syarikat tersebut seperti berikut; -

1.	Syarikat	Worldwide Holdings Berhad
a)	Nama Projek	Eastern Creek Business Park (Sydney)
	Jenis Pelaburan	Pembangunan Hartanah Industri
	Komponen	Lot Industri
b)	Nama Projek	Champion Glades & Private Estate (Perth)
	Jenis Pelaburan	Pembangunan Hartanah kediaman
	Komponen	Lot Residensi
	Sasaran keuntungan	Sasaran keuntungan bagi kedua-dua projek di atas adalah sebanyak AUD 9.782 juta (RM 29.66 juta). (keuntungan kasar selepas ditolak kos pembangunan projek)
2.	Syarikat	Kumpulan Perangsang Selangor Berhad
		Pelaburan di dalam King Koil merupakan satu pelaburan jangka masa panjang (yakni antara 5-10 tahun) dengan objektif pulangan melalui peningkatan keuntungan, aliran tunai dan nilai ekuiti yang disasarkan sebanyak 20% pulangan purata dari kos pelaburan. Pulangan tersebut termasuk pendapatan dividend dan penjualan pegangan ekuiti tersebut pada masa hadapan.

c) Antara perancangan susulan terhadap pelaburan tersebut adalah;-

Bil.	Syarikat	Perancangan Susulan
1.	Worldwide Holdings Berhad	Projek akan dilancarkan pada suku ke-2 tahun 2018 dengan tempoh pembangunan projek selama 4 tahun (2021)
2.	Kumpulan Perangsang Selangor Berhad	<p>Sejak pengambilahan King Koil pada Mei 2016 lalu, Perangsang Selangor telah melaksanakan berbagai inisiatif termasuk perlantikan pengurusan professional yang berpengalaman untuk meningkatkan taraf tadbir urus korporat dan memperluaskan pasaran antarabangsa dengan penambahan satu pemegang lesen di Mexico pada 2017.</p> <p>Pada masa yang sama, King Koil sedang mengubah strategi perniagaannya dari sebuah syarikat yang bergantung hanya kepada perlesenan kepada pengilangan dan pengedaran</p>

	<p>di pasaran pantai barat Amerika Syarikat. Strategi baru ini bakal melonjakkan pendapatan King Koil menerusi pengilangan dan pengedaran tilam secara terus berbanding dengan hanya kutipan royalti seperti sebelum ini. Kilang pertama milik King Koil yang dijangka beroperasi di Arizona pada bulan April 2018 akan memenuhi pasaran di negeri-negeri pantai barat seperti California, Nevada dan Colorado. Dalam jangka masa panjang, King Koil mensasarkan pertumbuhan yang mampan akan datang daripada kawalan kualiti dan pengedaran produk yang bermutu tinggi di pasaran.</p>
--	---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PUSAT INFORMASI PELANCONGAN SEKINCHAN (TIC)

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pembinaan TIC Sekinchan?
 - b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi yang menyebabkan sehingga kini tiada tindakan susulan?
 - c) Sila nyatakan berapakah anggaran peruntukan yang akan disalurkan oleh KNS bagi merialisasikan TIC Sekinchan?

JAWAPAN:

- a) Pihak persatuan pelancongan Sekinchan sedang melantik juruukur untuk mewartakan tanah seluas 6-5 ekar memandangkan tanah tersebut merupakan tanah kerajaan dan perlu diwartakan.
- b) Pihak MDSB masih menunggu rekabentuk dan anggaran kos lengkap daripada pihak arkitek yang dilantik oleh Persatuan Pelancongan Sekinchan. Anggaran kos yang dikemukakan akan dihantar ke Kerajaan Negeri untuk pertimbangan.
- c) Berdasarkan kepada anggaran kos awal yang telah dikemukakan adalah sebanyak RM2.28 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PUSAT SIBER CAFE

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila nyatakan berapakah jumlah pusat siber cafe yang beroperasi secara sah di setiap PBT?
 - Sila nyatakan apakah dasar KNS terhadap pengawalan dan pemantauan pusat tersebut?
 - Sila nyatakan apakah kaedah proaktif yang dilakukan bagi menggalakkan penggunaan pusat siber cafe secara sihat?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Pusat Siber Cafe yang beroperasi secara sah di Negeri Selangor adalah 313 premis. Perincian bilangan premis Pusat Siber Cafe berlesen mengikut PBT adalah seperti berikut :

Bil.	PBT	Bilangan Berlesen
1.	MBSA	48
2.	MBPJ	32
3.	MPK	33
4.	MPAJ	18
5.	MPSJ	24
6.	MPS	17
7.	MPKJ	55
8.	MPSP	25
9.	MDKL	21
10.	MDHS	17
11.	MDKS	5
12.	MDSB	18
JUMLAH		313

- b) Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa dasar bagi pengawalan dan pemantauan pusat Pusat Siber Café. Antaranya adalah seperti berikut:
- i) Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (PBT) 2007;
 - ii) Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan JKT; JM/D/BIL.4/2015 iaitu Garis Panduan Pengawalan Perniagaan Pusat Siber dan Cyber Cafe : Pindaan; dan
 - iii) Pekeliling Setiuasaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil.2/2012 iaitu Garis Panduan Pengawalan Perniagaan dan Reka Bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber Negeri Selangor.
- c) Pelbagai langkah dan kaedah proaktif telah dilakukan bagi menggalakkan penggunaan pusat siber café secara sihat, antaranya:
- i) Membuat pemeriksaan bersepada bersama agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) ;
 - ii) Melaksanakan undang-undang dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa;
 - iii) Melaksanakan penolakan cagaran iaitu 10% pelanggaran syarat pertama, 20% bagi pelanggaran syarat kedua, 30% bagi pelanggaran syarat ketiga dan pembatalan lesen bagi pelanggaran syarat melebihi tiga kali sepanjang tempoh kelulusan lesen;
 - iv) PBT memberi tumpuan bagi keperluan pengeluaran lesen baru kepada kawasan yang berpotensi seperti berhampiran pusat pengajian tinggi awam/ swasta dan menghadkan kuota pengeluaran lesen baru di kawasan sediada; dan
 - v) PBT mewajibkan semua pengusaha mendaftar dan menggunakan sepenuhnya sistem B3 dan sistem E-Link bagi urusan kemasukan pelanggan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : MASALAH JALAN BENDANG SEKINCHAN

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila nyatakan kenapa kerja-kerja membaiki dan menaiktaraf jalan-jalan bendang yang berlubang dan rosak lambat dilakukan?
 - b) Sila nyatakan berapakah kos penyelenggaraan tahunan yang disalurkan oleh KNS bagi membaiki jalan bendang yang bermasalah?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, jalan-jalan ladang di kawasan sawah Sekinchan dinaiktaraf dan diselenggara oleh Projek Barat Laut (IADA). Kerjasama ini telah dibincangkan dan dipersetujui bersama semasa di dalam Mesyuarat Penyelarasian Projek Infrastruktur antara JPS Daerah Kuala Selangor dan JPS Daerah Sabak Bernam dengan Projek Barat Laut (IADA) pada Januari 2015 dan keputusan tersebut berkuatkuasa sehingga kini. Manakala bagi jalan-jalan yang didaftarkan di bawah MARRIS, khususnya yang menghubungkan asset-asset JPS kerja pembinaan akan dibuat dengan menggunakan peruntukan MARRIS.
- b) Pada tahun 2018, JPS Daerah Sabak Bernam diperuntukkan sebanyak RM637,000.00 melalui peruntukan MARRIS untuk penyelenggaraan jalan ladang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila nyatakan berapakah jumlah bilangan pelancong domestik yang melawat Selangor tahun 2017?
 - Sila nyatakan berapakah jumlah bilangan pelancong asing yang melawat Selangor tahun 2017?
 - Sila nyatakan bagaimanakah untuk mempertingkatkan promosi pelancongan secara konsisten dan berapakah peruntukan yang disalurkan?

JAWAPAN:

- Jumlah bilangan kedatangan pelancong domestik ke Negeri Selangor bagi tahun 2017 adalah sebanyak **3,921,286 orang pelancong**. Jumlah ini menunjukkan sebanyak **2.42%** daripada jumlah kedatangan pelancong domestik bagi tahun 2016.
- Jumlah bilangan kedatangan pelancong asing yang melancong ke Negeri Selangor bagi tahun 2017 adalah sebanyak **3,509,716 orang pelancong**. Jumlah kedatangan pelancong asing ke Negeri Selangor menunjukkan peningkatan sebanyak **7.49%** berbanding tahun 2016.
- Kerajaan Negeri sentiasa komited di dalam usaha untuk mempromosikan kawasan pelancongan yang terdapat di Negeri Selangor. Sebanyak **RM4,560,902.40** telah diperuntukkan dan disalurkan bagi pelaksanaan program dan acara promosi pelancongan Negeri Selangor sepanjang tahun 2017.

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor membantu memasarkan produk pelancongan secara konsisten dan berusaha membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke kawasan tersebut. Antara peranan Tourism Selangor untuk membangunkan industri ini adalah;

i) Pengiklanan Digital, Media Cetak dan Bahan Terbitan

Tourism Selangor juga mempromosikan pelancongan melalui pengiklanan media cetak seperti akhbar, majalah dan risalah promosi. Poster informasi beserta laporan dan artikel diperbanyakkan di media tempatan dan bertaraf antarabangsa. Selain itu, Tourism Selangor juga menerbitkan

risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan Pelancongan Agro. Antaranya seperti, Selangor Breakaway, Selangor Travel Guide dan Selangor Coffee Table Book.

ii) Program Promosi Dalam Negara

Mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan secara berterusan di dalam siri promosi di dalam negara yang disertai bagi tahun 2018. Program promosi dalam negara yang disertai oleh Tourism Selangor seperti berikut;

1. MITA Fair
2. MATTA Fair March
3. MATTA Fair Johor
4. MATTA Fair Selangor
5. MATTA Fair September
6. Selangor International Expo

iii) Program Promosi Luar Negara

Program promosi luar negara yang disertai oleh Tourism Selangor adalah seperti berikut;

1. India International Travel & Tourism (IITT)
2. Fitur, The International Tourism Trade
3. Asean Tourism Forum (ATF)
4. International Tourism Bourse (ITB)
5. Road Show To Japan
6. Arabian Travel Market
7. Universal Tourism Exhibition 2018
8. International Travel Expo (ITE) 2018
9. Pacific Asia Travel Association (PATA)
10. Taipei International Tourism Fair
11. China International Travel Mart (CITM)

iv) Hebahan melalui Laman web dan Media Sosial Tourism Selangor

Tourism di dalam laman web rasmi akan sentiasa mempromosi destinasi pelancongan mengikut kekuatan segmen pelancongan negeri dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat. Laman web Tourism Selangor boleh dilayari melalui <http://www.tourismselangor.my>. Laman Media sosial Tourism Selangor mempunyai jumlah pengikut yang ramai melebihi 100,000 followers. Facebook, Twitter dan Weibo Tourism Selangor menggunakan profil nama @TourismSelangor serta Instagram menggunakan profil @DiscoverSelangor dapat mempromosikan kawasan pelancongan yang

sedia ada dan yang baru di Negeri Selangor dengan lebih efektif dan meluas.

v) **Penganjuran Program FAM Trip (*Familiarization Trip*)**

Tourism Selangor bekerjasama dengan produk-produk pelancongan dan operator pelancongan untuk menganjurkan sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan dan agensi media tempatan dan antarabangsa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila nyatakan apakah perkembangan terkini IKS di Negeri Selangor?
 - Sila huraikan apakah implikasi yang dihadapi oleh IKS sejak cukai GST dilaksanakan?
 - Sila nyatakan apakah insentif dan bantuan serta bimbingan yang dilakukan oleh KNS bagi membantu para usahawan IKS di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) dan c)

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan pusing ganti tahunan tidak melebihi RM25 juta dan menggaji kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Salah satu fokus Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan adalah untuk membantu melonjakkan perniagaan usahawan di dalam kategori perniagaan mikro. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap peniaga-peniaga yang melibatkan diri dalam industri ini di mana kebanyakkan peniaga di daerah-daerah di negeri Selangor terlibat dengan perniagaan mikro yang ditakrifkan sebagai perniagaan yang mempunyai jualan kurang daripada RM300,000.00 setahun dan mempunyai pekerja tetap sebanyak 2 hingga 5 orang. Kebanyakkan mereka menjadikan perniagaan ini sebagai sumber pendapatan keluarga.

Setiap tahun Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan bajet untuk bantu usahawan bagi meningkatkan hasil pendapatan dan menjana ekonomi negeri. Berikut merupakan bantuan yang disediakan untuk perniagaan mikro di negeri Selangor:

i. **DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR**

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro

di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/ menaiktaraf;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspos jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan persijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di negeri Selangor.

ii) PAMERAN/ EKSPON

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di Negeri Selangor adalah melalui ekspos dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan menyertai ekspos dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspos/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor.

Usahawan yang paling berjaya pada tahun 2016 adalah pada pameran MIHAS yang berlangsung pada 30 Mac - 2 April 2016, produk kerepek seaweed jenama Teego daripada Syarikat Inspire Human Capital

Development Sdn Bhd telah memperolehi kontrak pembekalan ke tiga buah negara iaitu Dubai, Jeddah dan Jepun. Manakala pada PIHEC 2017 yang berlangsung pada 24-26 Februari 2017, Syarikat Dhuha Tensai Resources yang menjual makanan Korea telah mendapat tempahan daripada Singapura. Manakala syarikat Bio-Haruantech (M) Sdn. Bhd. di bawah label Rezza Brand yang menjual pelbagai produk mi segera telah mendapat tempahan daripada Singapura, Brunei, Hong Kong, China dan Korea. Pada MIHAS 2017 yang berlangsung pada 5-8 April 2017 pula Syarikat Yusa Food Products Sdn. Bhd. telah mendapat tempahan daripada Singapore, Vietnam, China dan kini sedang dalam perbincangan bersama syarikat daripada United Kingdom.

Pada tahun 2017, buat pertama kali Kerajaan Negeri menyertai pameran antarabangsa ke *China ASEAN Expo (CAEXPO)* 2017 pada 12 hingga 15 September 2017 di Nanning, China anjuran *People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region* dan ditaja oleh *Ministry of Commerce, P.R. China*. Kerajaan Negeri Selangor menyertai pameran ini melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) memandangkan badan ini berperanan untuk mempromosi, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan eksport terhadap produk keluaran Malaysia. Sebanyak 5 orang usahawan telah terpilih mewakili Negeri Selangor. Kesemua usahawan adalah terdiri daripada usahawan makanan dan minuman. Salah seorang usahawan iaitu Syarikat Yusa Food Products Sdn. Bhd. telah mendapat pembekalan kontrak ke China pada pameran CAEXPO tersebut yang dianggarkan bernilai RM3 juta. Program sebegini bukan sahaja dapat membuka peluang produk tempatan ke pasaran antarabangsa malahan peserta dapat membina jaringan perniagaan di kalangan peserta luar yang terlibat di dalam program ini.

iii) KURSUS/ LATIHAN

Selain itu, bagi usahawan di peringkat permulaan, Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus bagi memberi pendedahan tentang bagaimana untuk mempersiapkan produk mereka sekurang-kurangkan untuk menembusi pasaraya tempatan. Modul kursus terdiri daripada asas perniagaan dan kewangan, penjenamaan produk, pensijilan produk serta pemasaran online dan ke rangkaian pasaraya.

iv) PROGRAM PEMBUNGKUSAN PRODUK MADE IN SELANGOR

Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi Kerajaan Negeri telah mengadakan program ini khususnya kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke

peringkat antarabangsa. Peserta yang mengikuti program ini akan menerima pensijilan produk, carian jenama dan cetakan pembungkusan.

v) **PROGRAM PEMBINAAN UPAYA USAHAWAN INDIA SELANGOR**

Program ini bertujuan untuk membantu usahawan India yang berpotensi berkembang maju di dalam bidang perniagaan. Di samping itu, ianya adalah program keperluan dalam menyediakan usahawan India menjadi lebih berdikari dan mampu untuk menjana mobiliti. Peserta akan diberikan pembangunan latihan dan pengupayaan untuk membina kepakaran, penyediaan cadangan projek selain daripada pengurusan pemasaran dan kewangan. Antara modul yang telah dirangka adalah peserta akan menyertai latihan berbentuk kemahiran bersama syarikat peneraju/ mentor terpilih dan akan dipantau selama tiga (3) hingga enam (6) bulan bergantung pada industri yang terpilih. Di dalam tempoh latihan tersebut, peserta akan diberi peluang untuk terus mengendalikan perniagaan mengikut jenis latihan yang diceburi dan dipantau oleh syarikat peneraju. Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Pada tahun 2017, seramai 400 orang telah menyertai program ini yang dilaksanakan di enam (6) daerah di negeri Selangor.

Pada tahun 2018, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan bagi meneruskan program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor. Dianggarkan lebih 1000 orang peserta akan menyertai program ini bagi menjadikan kaum India di negeri Selangor lebih berdikari dan berdaya saing sekaligus meningkatkan lagi ekonomi kaum India di negeri Selangor.

vi) **PINJAMAN MIKROKREDIT HIJRAH SELANGOR**

HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan berperingkat bermula tahun 2015. Sebelum ini program pinjaman kewangan ini dikenali sebagai Mikrokredit Bersepadu yang menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2010. Ia merupakan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1-4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat tertentu.

Bermula tahun 2018, HIJRAH Selangor telah memperkenalkan bantuan pinjaman bagi trak bergerak. Terdapat 2 jenis bantuan trak

bergerak iaitu *Mobile cart* dan *Daihatsu Hijet Pickup (Japan)*. *Mobile cart* merupakan trak tunda yang bersaiz lebih kecil dan mudah dikendalikan dan berkeluasan 8 kaki panjang dan 5 kaki lebar. Had bantuan pinjaman ini akan diberi sehingga RM26,500.00 dan RM3,500.00 akan diberikan sebagai modal bahan mentah. Bagi *Daihatsu Hijet Pickup (Japan)* pula bersaiz 5 kaki panjang dan 4 kaki lebar. Bantuan pinjaman sehingga RM39,000.00 dan RM1,000.00 akan diberikan sebagai modal bahan mentah. Bantuan pinjaman bagi trak bergerak ini terbuka kepada semua jenis perniagaan. Proses permohonan akan mengambil masa 2-4 minggu bagi permohonan *Mobile cart* dan 4-6 minggu bagi permohonan *Daihatsu Hijet Pickup (Japan)*.

- b) Sistem cukai barang dan perkhidmatan (GST) adalah berdasarkan cukai kepenggunaan yang dikenakan ke atas nilai yang ditambah pada setiap peringkat pengagihan dan pengedaran. GST juga dikenali sebagai *Value Added Tax (VAT)* di mana peniaga dibenarkan menuntut kembali GST yang dibayar ke atas input perniagaan (cukai input) di mana peniaga boleh menolak cukai input daripada cukai output. Kadar GST yang ditetapkan pada 6%. Asas percukaian GST jauh lebih luas daripada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan yang dikenakan sebelum ini. Kerajaan mengenakan cukai jualan sebanyak 5% dan cukai perkhidmatan sebanyak 10% itu dimansuhkan dan kedua-dua cukai ini akan digantikan dengan sistem cukai GST. Walaupun penggantian cukai perkhidmatan kepada GST ini dikatakan lebih baik, namun hakikatnya tidak semua peniaga sama ada bumiputera atau bukan bumiputera layak untuk mengenakan GST ke atas barang jualan dan menuntut kembali GST yang dibayar ke atas input perniagaan. Ini kerana jualan tahunan perlu mencecah RM500,000.00 atau purata bulanan sebanyak RM41,667.00.

Ini bermakna ekosistem perniagaan bermula dari bahan mentah telah dikenakan GST menjadikan kos bahan mentah meningkat. Namun peniaga IKs ini tidak dapat menaikkan harga malahan perlu mengecilkan margin keuntungan jualan. Dengan keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan, menjadikan *purchasing power* semakin rendah. Ditambah lagi harga minyak dunia yang semakin tinggi menyebabkan peniaga terpaksa menanggung kos tambahan bagi pengeluaran. Keadaan ini memberikan tekanan terhadap ekonomi sekaligus menjelaskan purata jualan bagi peniaga IKs.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PANTAI REDANG SEKINCHAN

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja menaiktaraf kemudahan infrastruktur Pantai Redang akan dijalankan?
 - b) Sila nyatakan berapakah peruntukan yang bakal disalurkan bagi tujuan tersebut?
 - c) Sila nyatakan apakah bantuan tambahan yang bakal disalurkan oleh KNS bagi mengindahkan lagi pantai tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja menaiktaraf kemudahan infrastruktur pantai Redang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Pasarana, Kementerian Pelancongan Malaysia. Proses tender dijangka akan dilaksanakan pada bulan April 2018.
- b) Jumlah peruntukan yang disalurkan ialah sebanyak RM1.1 juta
- c) MDSB telah mengemukakan permohon peruntukan sebanyak RM1.5 juta kepada SUK semasa Retreat dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor Bil 1/2018 pada 22 - 24.2.2018. Komponen projek yang dipohon ialah:-
 - i. Membina 24 unit gerai
 - ii. Membina 24 unit kiosk
 - iii. Menaiktaraf softcape dan hardscape
 - vi. Membekal dan menanam pokok hiasan
 - v. Membina papan tanda.
 - iv. Menaiktaraf lampu/pencahayaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : MASALAH HAKISAN LONGKANG PARIT 6 SEKINCHAN

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila nyatakan apakah faktor utama yang menyebabkan hakisan tanah tebing longkang Parit 6 terus berlaku?
 - b) Sila nyatakan berapakah jumlah anggaran kos yang diperlukan untuk mengatasi masalah tersebut?
 - c) Sila nyatakan apakah kaedah perancangan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Parit 6 merupakan laluan pembuangan air sawah ke laut semasa musim menuai padi. Selain daripada itu, air larian permukaan daripada kawasan perumahan Sekinchan 2 juga dialirkan masuk ke parit 6. Sekiranya air sawah dikeluarkan semasa berlakunya air laut pasang, aras air di bahagian hulu parit 6 akan naik dan melimpah. Sekiranya pertembungan pembuangan air sawah dan kejadian air pasang berlaku, keadaan saiz parit 6 sediada tidak mampu menampung kapasiti air dan keadaan jenis tanah parit 6 tersebut yang merupakan "marine clay" menyebabkan kejadian hakisan terus berlaku.
- b) Anggaran kos yang diperlukan untuk mengatasi masalah tersebut adalah sebanyak RM4.7 juta.
- c) Kaedah perancangan jangka panjang adalah dengan menaiktaraf parit tanah tersebut kepada jenis gabion wall serta pengukuhan struktur asas tanah dengan kaedah ERP. Untuk makluman, rekabentuk telah pun disiapkan dibawah peruntukan Caruman Parit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMBERIMILIKAN TANAH BAGAN NAKHODA OMAR (BNO)

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila nyatakan apakah status terkini proses permohonan tersebut?
 - Sila nyatakan apakah kekangan utama yang menyebabkan proses kelulusan begitu lama?
 - Sila nyatakan berapakah jangka waktu yang masih diperlukan untuk meluluskan permohonan tersebut?

JAWAPAN:

- Sehingga hari ini, tiada sebarang permohonan pelupusan diterima daripada penduduk kaum Cina di kawasan ini. Ini adalah disebabkan kawasan ini merupakan sebahagian daripada kawasan Rizab Melayu Sg. Lang (No. WKN: 925-28). Sebarang permohonan untuk pelupusan tanah hanya boleh dikemukakan Pejabat ini setelah urusan pembatalan warta Tanah Rizab Melayu (TRM) tersebut dilakukan.
- Kekangan utamanya adalah untuk mendapatkan tanah ganti TRM yang sama taraf iaitu bertaraf tanah pekan serta kos kerja ukur bagi kawasan yang hendak dibatalkan.

Terdahulu daripada ini, permohonan untuk pembatalan dan penggantian sebahagian TRM ini pernah ditolak oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) melalui keputusan MMKN ke 11/2012 bertarikh 28 Mac 2012 dan disahkan oleh MMKN ke 12/2012 bertarikh 4 April 2012. Keputusan mesyuarat adalah menolak permohonan tersebut kerana tapak cadangan gantian di kawasan Km 50.5 Sungai Panjang, Mukim Sungai Panjang bukan bertaraf tanah pekan.

Apabila kawasan Pekan Air Manis telah diluluskan naik taraf daripada taraf tanah desa kepada taraf tanah pekan secara pewartaan menerusi Warta Kerajaan Negeri 1180/2017, maka sebahagian daripada kawasan Pekan Air Manis telah dicadangkan sebagai tanah ganti TRM di kawasan BNO.

Di samping itu, kerja ukur perlu dilakukan bagi mendapatkan keluasan sebenar pembatalan sebahagian TRM Sg. Lang di kawasan tersebut. Walau

bagaimanapun, Pejabat ini perlu mendapatkan peruntukan itu daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum kerja ukur boleh dijalankan. Bagi tujuan ini, Kertas Ringkas untuk mendapatkan kelulusan dasar untuk membatalkan sebahagian Rizab Melayu Sungai Lang (No. WKN: 925-28) seluas 56.50 ekar di kawasan Simpang Empat BNO, Pekan Bagan Nakhoda Omar, Daerah Sabak Bernam dan digantikan di kawasan Pekan Air Manis, Daerah Sabak Bernam telah dikemukakan kepada PTGS pada 28 Februari 2018

- c) Merujuk kepada Piagam Pelanggan Pejabat Tanah Sabak Bernam dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor, dijangka tempoh proses pembatalan warta TRM dan pengantian TRM akan mengambil masa selama 210 hari (7 bulan) selepas selesai kerja ukur dilakukan oleh juruukur berlesen yang dilantik.

Memandangkan tanah yang diduduki dan ingin dipohon ini berstatus rizab sungai, maka dicadangkan supaya proses pelupusan menggunakan kaedah perizaban di bawah Seksyen 62, KTN dan pajakan di bawah Seksyen 63, KTN. Proses perizaban ini akan mengambil masa 120 hari (4 bulan) sehingga kelulusan YAB Dato' Menteri Besar. Kerja-kerja ukur kadaster bagi penyediaan Pelan Warta (PW) pula akan mengambil masa tidak melebihi 180 hari (6 bulan) dari tarikh penerimaan Permohonan Ukur yang lengkap dan teratur (berdasarkan piagam pelanggan JUPEM). Manakala proses penyediaan dan penyiaran warta akan mengambil masa selama 14 hari dari tarikh permohonan dan PW diterima. Proses pajakan akan dilaksanakan selepas warta disiarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KES GUAMAN KERAJAAN SELANGOR

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kes mahkamah yang sedang dalam proses pengurusan kes, perbicaraan dan rayuan yang melibatkan Kerajaan Selangor dan Pejabat-pejabat Tanah sehingga sekarang. Nyatakan juga firma dan kos guaman yang telah dibayar sehingga sekarang.

JAWAPAN:

- a) Senarai Kes Bagi Tahun 2017

Kes-kes yang melibatkan Kerajaan Selangor tidak hanya terhad terhadap tindakan guaman yang melibatkan pejabat-pejabat Tanah. Penamanan Kerajaan Negeri juga turut melibatkan jabatan-jabatan kerajaan yang lain di mana Kerajaan Negeri dinamakan untuk tindakan *vicarious liability*.

Bagi tahun 2017 terdapat 247 kes sivil yang baharu didaftarkan di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor (PPUUNS). Manakala terdapat sebanyak 16 kes berkaitan dengan kemalangan yang melibatkan kenderaan jabatan Kerajaan Negeri. Jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan bagi tahun 2017 adalah sebanyak 263 kes. Bagi tahun 2018, setakat bulan februari, sebanyak 48 kes telah didaftarkan untuk kes sivil manakala bagi kes kemalangan pula terdapat sebanyak 3 kes. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan pada tahun 2018 adalah sebanyak 51 kes. Kes-kes yang dinyatakan ini meliputi pelbagai peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Majistret, Seksyen dan Tinggi yang tidak mengambil kira proses prosiding Mahkamah.

Manakala untuk kes yang didaftarkan bagi peringkat Mahkamah Rayuan pada tahun 2017 adalah sebanyak 43 kes manakala setakat Februari 2018, sebanyak 16 kes telah didaftarkan untuk Mahkamah Rayuan. Bagi kes di peringkat Mahkamah Persekutuan pula, terdapat 27 kes telah didaftarkan pada tahun 2017. Hanya 1 kes didaftarkan untuk tahun 2018 setakat bulan Februari.

Jumlah Kos guaman yang telah dikenakan terhadap Kerajaan Negeri dan pejabat-pejabat tanah.

Bagi jumlah kos guaman peguam yang telah dikenakan terhadap Kerajaan Negeri dan pejabat-pejabat tanah bagi tahun 2017 sehingga Februari 2018

adalah sebanyak RM343,000.00. Jumlah ini adalah untuk semua peringkat mahkamah daripada Mahkamah Majistret sehingga Mahkamah Persekutuan. Jumlah ini juga termasuklah kes-kes yang sedang dirayu oleh PPUUNS. Memandangkan bilangan kes dan jumlah yang banyak, PPUUNS tidak dapat menyenaraikan kesemua firma-firma guaman yang telah menerima kos-kos guaman ini. Antara firma guaman yang terlibat adalah Tetuan Tetuan Cecil Abraham & Partners,.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KES GUAMAN MBPJ

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kes mahkamah yang sedang dalam proses pengurusan kes, perbicaraan dan rayuan yang melibatkan MBPJ sehingga sekarang. Nyatakan juga firma dan kos guaman yang telah dibayar sehingga sekarang.

JAWAPAN:

- a) Seperti Lampiran C

SENARAI KES MAHKAMAH DALAM PROSES**PEGUAM: TETUAN KAMARUZAMAN ARIF AMRAN & CHONG**

Bil	Perkara	Status kes	Kos guaman
1.	<p>Perintah deklarasi terhadap Defendan bahawa sebarang tindakan untuk melaksanakan langkah atau mempunyai kesan menafikan plaintif akan kegunaan, penikmatan dan pembangunan Lot 27679 dan 27680 berturut dengan kelulusan yang diberikan sebelum ini termasuk pelan tatajur terpinda.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Rayuan Putrajaya Rayuan No. B-02(W)-291-02/2017 MBPJ lawan Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd. & 24 Yang Lain 	Pendengaran kes pada 16 Mac 2018.	Tiada
2.	<p>Perintah Injunksi menghalang Defendan atau pegawai, pekerja dan/atau agen Defendan daripada mencerobohi Jalan Tanjung selebihnya.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Tinggi Shah Alam Guaman sivil: No. 22NCVC-1046-08/2012 Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd. I lawan MBPJ 	Pendengaran kes bagi taksiran kos gantirugi pencerobohan tanah pada 12 Mac 2018.	RM194,602.74

Bil	Perkara	Status kes	Kos guaman
3.	<p>Perintah Certiorari dikeluarkan untuk memindahkan ke Mahkamah Tinggi untuk tujuan ianya dibatalkan keputusan Responden 1, 2 dan 3 untuk memperolehi secara wajib 1,320 mp hartanah.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Rayuan Putrajaya Rayuan No. B-01(A)-152-04/2016 MBPJ lawan <ol style="list-style-type: none"> 1. Bandar Utama City Coporation Sdn. Bhd. 2. Bandar Utama Technology Park Sdn. Bhd. 	Pendengaran Substantif Rayuan pada 21 Mei 2018	Tiada
4.	<p>Perintah Certiorari untuk mengenepikan sebahagian keputusan MBPJ iaitu syarat 3(d) dan 3(e) di dalam Arahan Bertulis bertarikh 8.9.2015 serta perintah Mandamus untuk mengarahkan MBPJ mengeluarkan Borang C(1) kepada Bandar Utama Capitol Sdn Bhd</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Rayuan Putrajaya Rayuan No. B-02(A)-2257-12/2016 MBPJ lawan Bandar Utama Capitol Sdn Bhd 	Pendengaran kes pada 30 Mac 2018	Tiada
5	<p>Perintah Mandamus untuk mengarahkan MBPJ mengeluarkan Borang C(1) kepada Bandar Utama Capitol Sdn Bhd.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Tinggi Shah Alam Semakan Kehakiman No. BA-25-152-12/2016 Bandar Utama Capitol Sdn Bhd lwn MBPJ 	Pengurusan kes pada 21 Mac 2018 Pendengaran kes pada 10 April 2018.	Tiada

Bil	Perkara	Status kes	Kos guaman
6.	<p>Menentukan isu versi rancangan tempatan RTPJ 2 yang mana satu adalah versi yang asli dan berkuatkuasa. Sama ada terdapat sekatan ketinggian 25 tingkat dan plinth 40% bagi pembangunan pangsapuri di mukasurat 7-2-28 RTPJ 2 tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Tinggi Shah Alam Semakan Kehakiman No. BA-25-53-08/2017 MBPJ lawan Lembaga Rayuan Selangor 	Pengurusan kes pada 22 Mac 2018	Tiada
7.	<p>Rayuan penolakan KM bagi pembangunan di Lot PT7, Jalan Universiti, Seksyen 17, Petaling Jaya.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Rayuan Putrajaya Rayuan No. B-01(A)-109-04/2017 MBPJ lawan <ol style="list-style-type: none"> 1. Lembaga Rayuan Negeri Selangor 2. Conlay Sdn. Bhd. (pencelah) 	<p>Pendengaran Rayuan Substantif kes pada 9 April 2018 (Tetuan Sri Ram – leading counsel)</p>	Tiada
8.	<p>Memohon Perintah Mandamus untuk MBPJ melaksanakan keputusan Lembaga Rayuan bertarikh 14 April 2016 untuk proses Kebenaran Merancang</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Tinggi Shah Alam Semakan Kehakiman oleh pencelah No. BA-25-26-05/2016 Conlay Land Sdn. Bhd. lawan MBPJ 	<p>Pendengaran Notis Permohonan Pengantungan Prosiding sementara menunggu keputusan Mahkamah Rayuan No. B-01(A)-109-04/2017 pada 28 Mac 2018</p>	Tiada

Bil	Perkara	Status kes	Kos guaman
9.	<p>Perintah Mandamus terhadap MBPJ untuk membuat pembetulan dan pindaan pada alamat lesen plaintif daripada No. 64 kepada No. 58, Jalan Universiti serta menerima bayaran lesen dan memperbarahuinya bagi tahun 2014 dan selanjutnya.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Rayuan Putrajaya Rayuan No. B-02(A)-1560-09/2015 Beemer Sdn. Bhd. Lawan MBPJ 	Mahkamah akan mengeluarkan surat bagi arahan lanjut dan tarikh baru kes ini sama ada kes ini akan diteruskan dengan pendengaran kes atau perlu menunggu pelupusan rayuan kes Conlay ke Mahkamah Rayuan.	RM39,977.00
10.	<p>Perintah Certiorari terhadap keputusan Lembaga Tatatertib bertarikh 21 Mei 2015 dibatalkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Tinggi Shah Alam Semakan Kehakiman: No.25-129-08/2016 Abd. Muttalib bin Mohd Ali lawan <ol style="list-style-type: none"> 1. Lembaga Tatatertib MBPJ 2. MBPJ 3. Mohd Azizi bin Mohd Zain 4. Johary bin Anuar 5. Ir. Lee Suet Sen 	Pendengaran Substantif semakan kehakiman pada 28 Mac 2018.	Tiada

Bil	Perkara	Status kes	Kos guaman
11.	<p>Perintah Komital terhadap Keputusan Lembaga Rayuan pada 5 September 2012 yang menolak Kebenaran Merancang dalam Borang C2 bagi cadangan pertukaran material gunatanah daripada "kawasan lapang" kepada "komersial" bagi tanah PT 16994 HS (D) 39442, Mukim Damansara.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Tinggi Shah Alam Guaman Sivil No: 25-167-12/2012 The Ordinary Company Sdn. Bhd. lawan Mohd Azizi bin Mohd Zain 	Pendengaran Substantif semakan kehakiman pada 20 Mac 2018 untuk pendengaran substantif komital dan permohonan MBPJ untuk mengenepikan perintah Kebenaran Komital	Tiada
12	<p>Tuntutan gantirugi terhadap MBPJ akibat dari tidak menyerahkan sejumlah paparan iklan untuk pengurusan dan pengendaliannya kepada Seni Jaya Sdn. Bhd.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Persekutuan Putrajaya No. 01(F)-29-09/2016 Seni Jaya Sdn Bhd & Orion Mesra Sdn Bhd lawan Dato' Hj Termizi & MBPJ 	Pendengaran kes pada 23 April 2018 (Tetuan Cyrusdas – leading counsel)	Tiada
